

WARISAN PERPATIH

Tajuk : Sistem Sosial Adat Perpatih

Pembentang : En. Norhalim Hj. Ibrahim

Tarikh : 11 September 1992

Masa : 9.00-10.30 pagi

Tempat : Dewan Kuliah 1, FPI

dianjurkan oleh

PERSATUAN MAHASISWA NEGERI SEMBILAN

(*PERMANIS*)

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi, Selangor D.E.

SISTEM SOSIAL ADAT PERPATIH

1. PENGENALAN

Adat perpatih adalah adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan dan Naning, Melaka. Di Negeri Sembilan, bukan keseluruhan masyarakatnya yang mengamalkan adat perpatih, kerana sebahagian besar daripada masyarakat Melayu di daerah Port Dickson, terutama sekali mereka yang di persisir pantai dan di Mukim Linggi tidak mengamalkan adat ini. Selain daripada Negeri Sembilan dan Naning, generasi tua (lingkungan 50an ke atas) di kampung Lukut, yang terletak di daerah Kota Tinggi, Johor juga mengakui mengamalkan suatu variasi adat ini. Kampung Lukut adalah sebuah kampung yang diteroka oleh orang Negeri Sembilan, khususnya dari Kampung Jimah, yang terletak dalam Luak Sungai Ujung di sekitar tahun 1980.

Negeri Sembilan hari ini, selain daripada terbahagi kepada tujuh daerah mengikut sistem birokrasi moden, juga dapat dipecahkan kepada perwilayahannya adat yang dipanggil luak. Luak-luak adat yang ada di Negeri Sembilan hari ini dapat dikelompokkan kepada tiga jenis, iaitu Luak Besar atau Luak Berundang, Luak Kecil atau Luak Berpenghulu dan sebuah Luak Tambahan. Luak Berundang adalah terdiri daripada luak-luak Jelebu, Johoi, Rembau dan Sungai Ujung, sedangkan Luak Berpenghulu pula adalah luak-luak Gunung Pasir, Inas, Jempul, Terachi dan Ulu Muar. Apabila dikelompokkan, luak-luak Berpenghulu ini dikatakan sebagai Luak Tanah

Mengandung Luak Tambahan ialah Luak Tampin. Luak terakhir ini sebelum tahun 1834 adalah sebahagian daripada Luak Rembau. Demi untuk mengelakkan daripada berlakunya perang saudara yang berlanjutan dan dijajahi Inggeris (walaupun akhirnya terjajah juga) Tampin telah diserahkan di bawah tadbiran Syed Shaaban yang telah dilantik menjadi pembesar Tampin oleh Inggeris sebagai hadiah membantunya menawan Naning, dengan gelaran Tunku Besar Tampin (Norhalim, 1978:35).

2. MASYARAKAT ADAT PERPATIH

Mendasarkan cara hidup mereka kepada bersawah padi, masyarakat dan budaya tradisi adat perpatih Negeri Sembilan dan Naning wujud atas suatu sistem sosio-ekonomi komunal yang berlandaskan kekeluargaan. Sistem ini adalah berpusatkan kepada prinsip keturunan nasab ibu atau matrilineal. Pada peringkat struktur sosial, adat ini berkisar atas suatu susunan perhubungan-perhubungan dan proses-proses sosial dan ekonomi yang menjadi ciri kepada kebanyakan masyarakat nasab ibu di dunia ini. Ciri-ciri ini termasuklah keahlian dalam kelompok keturunan yang mempunyai nama tertentu, penempatan matrilokal selepas berkahwin dan justru itu bentuk susunan kehidupan sehari-hari dalam rumah tangga dan keluarga luas, memiliki harta (tanah ladang atau dusun, tanah sawah dan tanah kawasan rumah) atas dasar kepunyaan bersama kelompok kekeluargaan dengan hak ompukan daripada ibu kepada anak perempuan; kooperasi ekonomi dan sosial secara obligatori di kalangan ahli-ahli keluarga luas

dan selanjutnya di kalangan ahli-ahli kelompok kekeluargaan yang lebih besar yang melibatkan tenaga kerja, sumber-sumber dan tanggungjawab-tanggungjawab terhadap anak-anak dan sebagainya; dan pengagihan kuasa politik berdasarkan pemeringkatan hiraku kekuasaan sosial yang diterima.

3. KONSEP DAN IDEOLOGI ADAT PERPATIH

Adat perpatih adalah suatu sistem sosial yang kompleks dan mempunyai konsep dan ideologi yang disedari dengan jelas oleh penganut-penganutnya, suatu worldview yang menjadi pemandu dalam persepsi dan pemilihan pengamalnya. Sebagai suatu sistem konseptual di dalam adat perpatih itu termasuk aturan tertentu (kadangkala dalam bentuk-bentuk preskripsi undang-undangan nyata) yang menggambarkan dan menjanakan pelakuan ahlinya seperti yang dibayangkan di atas tadi di mana hendak tinggal, bagaimana mengompokkan harta pusaka, siapa yang bertanggungjawab ke atas anak-anak dan sebagainya. Komponen-komponen konsep dan ideologi adat ini berkecenderungan untuk memperkuatkan satu dengan yang lain dan setiap satunya berurusannya pula dengan berbagai tema yang berhubungan kait antara satu sama lain. Justru itu, adat perpatih melalui interaksi dialektikal antara nilai-nilai berkenaan dengan perhubungan-perhubungan ekonomi, sosial dan politik yang dialami secara nyata oleh ahli-ahlinya di dalam kehidupan sehari-harian melahirkan suatu cara hidup yang dapat dicirikan sebagai komunal, agak equaliterian dan demokratik, setidak-tidaknya pada zaman tradisi.

4. KATEGORI ADAT

Perjalanan adat perpatih adalah didasarkan kepada petua:

Baik dipakai dek muafakat,
buruk dibuang dek rundingan

sebagai keseluruhan adat ini dapat dikategorikan kepada empat jenis, yakni: adat nan sebenar adat, adat yang teradat, adat yang diadatkan dan adat istiadat. Keempat kategori ini adalah teras dasar dan prinsip sistem dan organisasi adat, sama ada sosial, ekonomi, politik ataupun budaya.

Adat Nan Sebenar Adat

Adat jenis ini adalah aturan semula jadi. Untuk adat jenis inilah letaknya kebenaran kata perbilangan:

Nan tak lapuk dek hujan,
nan tak lekang dek panas.

Contoh-contoh bagi adat jenis ini adalah:

Adat tajam melukai,
adat air membasahi,
adat api membakar.

Oleh sebab itu ianya adalah kejadian semulajadi, adat jenis ini tidak mungkin berubah.

Adat Yang Teradat

Adat kategori ini merujuk kepada aturan, nilai dan kepercayaan yang telah terkumpul sejak manusia hidup bermasyarakat. Ini membentuk charter sosial bagi orang Melayu adat perpatih. Oleh sebab mereka ini masyarakat yang mempunyai cara hidup kolektif, mereka boleh menambah

atau mengenepikan atau malahan menggantikan adat jenis ini kerana adat ada mengatakan:

Patah tumbuh, hilang berganti,

Tetapi segala penambahan, pengenepian dan penggantian itu haruslah dilakukan melalui keputusan muafakat dan kebulatan ahli.

Adat Yang Diadatkan

Adat kategori ini merujuk kepada segala aturan dan prinsip setempat yang, oleh sebab ia mendatangkan kebaikan dan diterima oleh masyarakat umum, telah diinstitusikan melalui muafakat:

Nan elok dipakai jo muafakat,
nan buruk dibuang jo kebulatan;
adat habis dek kerelaan.

Adat jenis ini,

jika dicabut, mati,
jika dipindahkan, layu.

Adat Istiadat

Adat kategori akhir ini merujuk kepada pelaksanaan budaya yang menyokong, mengesahkan dan memantapkan institusi-institusi adat dalam kategori lain yang disebut di atas tadi. Ianya dinyatakan dalam upacara-upacara rapi dan teliti, lengkap dengan artifek-artifek serta aturan-aturan semasa merayakan sesuatu peristiwa. Adat kategori ini walau bagaimanapun, boleh diubahsuai berdasarkan keadaan dan persekitaran hidup dan masa. Misalnya pengubahsuaihan perlaksanaan upacara tertentu kerana ketiadaan beberapa sumber atau yang perlu. Dalam lain keadaan, keseluruhan

adat itu, umpamana adat berpuar, dibuang langsung daripada sistem hidup masyarakat. Perubahan atau penghapusan sesuatu adat istiadat itu, seperti juga dalam hal-hal adat lain, harus melalui muafakat dan kebulatan antara ahli dengan ketua-ketua adat, orang-orang tua dan individu yang terkemuka dalam masyarakat.

4. KONSEP-KONSEP KERJA ADAT PERPATIH

Di atas keempat-empat kategori adat yang baru dinyatakan di atas, amalan adat, tanpa mengira sama ada sosial, ekonomi ataupun politik, adalah dilandaskan ke atas dua kod etik teras dan dasar. Kod etik yang dimaksudkan itu ialah konsep muafakat yang bersifat demokratis; dan konsep bekerjasama, gotong royong dan menyeraya. Dalam kehidupan seharian masyarakat adat, kedua-dua kod etik ini saling berkaitan antara satu sama lain. Namun untuk mencapai muafakat dan menjalankan kerjasama, pengamal adat harus terlebih dahulu mengadakan adat berkampung atau kerapatan.

5.1 Konsep Berkampung

Berkampung adalah satu adat yang memainkan peranan yang penting dalam hidup masyarakat adat. Ianya adalah perhimpunan atau pengumpulan kesemua ahli kelompok kekeluargaan atau anak buah untuk membincangkan satu-satu masalah atau pendirian yang harus diambil untuk kepentingan bersama. Antara lain, perkara-perkara yang dibincangkan melalui adat berkampung ini ialah persediaan untuk majlis

pinang meminang, perkahwinan atau membincangkan mengenai aktiviti bersawah padi.

Kehadiran kesemua ahli kelompok kekeluargaan dalam adat berkampung adalah mesti, tiada pengecualian sesuai dengan aturan adat yang mengatakan:

Nan jauh dijemput,
nan dekat dikampungkan,
hilang bercari,
cicir berpungut.

Ketidak hadiran seorang ahli bermakna adat berkempung tidak dapat diteruskan. Seurutan dengan ini, ketua adat bertanggungjawab mencari sebab mengapa ahli berkenaan tidak hadir. Kegagalannya untuk hadir itu mungkin menjadi petunjuk mengenai adanya rasa tidak puas hati, terkilan, berselisihan fahaman atau konflik di kalangan ahli kelompok. Keadaan begini, kalau tumbuh, tidak harus dibiarkan berpanjangan kerana ia boleh meretakkan kesatuan dan perpaduan kelompok yang menjadi nilai dasar masyarakat adat. Justru itu, ketua adat harus mendamaikan dan memulihkan keadaan. Untuk tujuan ini satu adat berkampung harus diadakan dan pihak-pihak yang terlibat dipastikan hadir. Adat berkampung untuk tujuan mencari perdamaian konflik antara ahli-ahli kelompok kekeluargaan ini dikatakan sebagai adat bertimbang salah.

Dalam berkampung menjalankan adat bertimbang salah ini, kedua pihak yang bersengketa akan menyatakan sebab-sebab terjadinya perbalahan. Perbincangan mengenainya adalah terbuka. Ahli-ahli lain akan memberi pendapat, nasihat dan

memujuk agar persengketaan ini diselesaikan. Apabila keputusan dicapai hukuman yang setimpal akan dijatuhkan kepada yang bersalah dan majlis diakhiri dengan proses bermaaf-maafan dan kenduri doa selamat. Justru itu, adat berkampung juga digunakan untuk mengadili semua kesalahan yang dilakukan oleh anak-anak buah atau ahli-ahli kelompok kekeluarga.

5.2 Konsep Muafakat

Perlakuan berhimpun kesemua anggota kelompok kekeluargaan dan membincangkan masalah yang timbul dikatakan sebagai muafakat. Muafakat sentiasa mendahului sebarang aktiviti di kalangan masyarakat adat perpatih. Ianya adalah salah satu daripada ideal sosial kudus adat, dan merupakan prinsip yang berjalan di seluruh organisasi masyarakat. Untuk melakukan setiap hal perlu dicari persefahaman antara anggota-anggota melalui muafakat.

kelebihan Nabi dengan makjizat,
kelebihan umat dengan muafakat.
Bulat air kerana pembentung,
bulat manusia kerana muafakat.
Penghulu beraja kepada muafakat,
muafakat beraja kepada kebenaran.
Ibu hukum muafakat,
ibu adat muafakat

Satu lagi ciri muafakat adat perpatih ini ialah keputusan yang diambil haruslah mendapat persetujuan semua ahli, tanpa pengecualian. Kerana ini jugalah mengapa di dalam sebarang adat berkampung semua ahli dimestikan hadir. Adat tidak mahu sebarang ahli menyatakan terkilannya, atau tidak bersetuju dengan keputusan yang telah dicapai, umpama

kata pepatah: rumah sudah pahat berbunyi, keputusan melalui persetujuan kesemua ahli inilah yang dimaksudkan dengan kata bulat di mana-mana ia timbul di dalam perbilangan adat.

Kebulatan fahaman mungkin tercapai hanya dengan muafakat. Berdasarkan kebulatan fahaman segala-segalanya akan mungkin dilakukan:

Bulat anak buah membuat/memecat Buapak,
bulat Buapak membuat/memecat Lembaga,
bulat lembaga membuat/memecat Undang.

Daripada kehidupan yang beradat dengan muafakatnya itu akan dapat ditegakkan kebenaran dan keadilan sosial:

Air melurut dengan bondonya (bandarnya),
benar melurut dengan pakatnya,
hilang adat kerana muafakat.

Daripada kebenaran dan keadilan itu barulah timbul hak yang sama rata antara anggota; tidak terlebih pada yang satu dan tidak terkurang pada yang lain:

Duduk sama rendah,
tegak sama tinggi.

Dari persamaan hak dalam lengkongan hidup:

dekat rumah dekat kampung,
boleh pinta menimba, tolong menolong,
sakit pening, jengok menjengok;

maka dapat pula menimbulkan kesatuan dan kesepadan di kalangan anggota kelompok kekeluargaan dan seterusnya keseluruhan masyarakat.

Proses penyelesaian masalah dan untuk menjalankan aktiviti melalui muafakat dan kebulatan fahaman ini mungkin dapat disamakan dengan konsep syura dalam Islam.

Konsep kerapatan

Pada hakikatnya, tidak banyak perbezaan antara berkampung dengan kerapatan. Adakala kedua-dua konsep ini digunakan untuk tujuan dan pengertian yang sama. Namun pada kebiasaannya, kerapatan lebih pengertian yang sama. Namun, pada kebiasaannya, kerapatan lebih merujuk kepada perhimpunan yang berkaitan dengan masalah politik adat, aturan adat dan perkara-perkara lain yang berkenaan dengan adat pada darjah yang tinggi. Ia melibatkan bukan satu kelompok kekeluargaan tetapi lebih daripada satu. Justru itu ia melibatkan ketua-ketua adat daripada beberapa kelompok kekeluargaan. Kadangkala, dalam kerapatan sedemikian, Undang sendiri turut hadir, terutama sekali jikalau ia melibat struktur dan organisasi sosial dan politik seluruh luak dan masyarakatnya.

5.4 Konsep kerjasama dan Gotong royong

Seperti juga muafakat, konsep kerjasama, gotong royong dan menyeraya juga adalah ideal sosial kudus adat perpatih. Adat, melalui perbilangannya sentiasa menekankan agar di kalangan anggota kelompok kekeluargaan sentiasa terjalin perhubungan yang rapat sekali. Mereka diharapkan saling bantu membantu dan bekerjasama di dalam semua hal. Hubungan rapat di antara mereka dibayangkan, antara lain sebagai:

Segayung seperigian,
Seperigi sepermandian,
Sejamban seperulangan,
sehalaman sepermainingan,
muafakat tidak bertukar,
rahsia tak berubah.

Berikutnya dengan ini adat juga menekankan agar setiap anggota memberikan sumbangan masing-masing kepada segala aktiviti yang dijalankan dalam masyarakat. Sebagai satu sistem yang dinamik dan funsional, adat telah memperincikan tugas-tugas setiap anggota masyarakatnya sesuai dengan kemampuan dan kebolehan masing-masing dengan mengambil kira keadaan fizikal dan mental mereka. Kata adat:

Jika cerdik teman berunding,
jika bodoh disuruh arah;
tinggi banir tempat berlindung,
rimbun daun tepat bernaung,
yang buta penghembus lesung,
yang patah menunggu jemuran,
yang pekak mencucuh meriam,
yang berani buat kepada lawan,

dst.

Justru itu, setiap anggota adat mempunyai tempat dan berguna dengan caranya tersendiri. Walaupun seseorang itu cacat dia tidak akan diketepikan; sentiasa ada cara bagaimana ia boleh memberi sumbangan dan mengekalkan hanya dirinya dan hormat ahli kelompok kekeluargaannya. Secara tidak langsung, dalam sistem adat ini telah wujud sistem pembahagian kerja dan ini bermakna sebelum barat memperkenalkan teori pembahagian kerja, adat ini telah pun mengamalkannya sejak sekitar abad ke-13.

Memahami bahawa tidak kesemua ahlinya berkemampuan untuk mencapai kejayaan maka adat mengaturkan agar orang

yang telah berjaya dalam hidupnya tidak harus menekan mereka yang kurang beruntung. Sebaliknya, ia harus memperkongsikan kejayaannya itu, seperti kata perbilangan:

kalau besar jangan melanda,
kalau cerdik jangan menipu,

Sebaliknya:

Hati kuman sama dicecah,
hati gajah sama dilapah.

Seiring dengan itu, adat juga tidak mengharuskan ahlinya yang kurang berjaya hanya mengharapkan bantuan daripada yang berjaya. Adat menegaskan supaya mereka ini, tanpa mengira keadaan supaya berusaha dan memberi sumbangan tenaga dan bekerjasama untuk meninggikan lagi status dirinya; yang bermakna juga meninggikan status kelompok kekeluarganya.

Kalau alim minta doanya,
kalau rajin minta kerjanya,
kalau kaya minta ringgitnya
kalau cerdik minta rundingnya.

Nama baik kelompok kekeluargaan harus dijaga bersama dan setiap anggota diharapkan memainkan peranan dalam mempertahankan nama baik tersebut:

Hidup bersuku,
malu sama ditanggung,
hasil sama dirasa.

Tegasnya, dalam aktiviti hidup dan sehari-hari, pengawal adat ini tidak harus bersikap individualistik tetapi komunalistik, yakni ia harus memperhitungkan orang lain yang sekelompok dengannya kerana:

Malu tak dapat diagih,
suku kata dapat dianjak.

Dalam adat perpatih, hidup masyarakat adalah bersuku-berwaris. Setiap individu mempunyai kelompok kekeluargaannya sendiri (suku, perut, ruang dan rumpun) masing-masing dan hanya boleh menjadi anggota kepada satu kelompok kekeluargaan sahaja.

6.5. PENGELOMPOKAN AHLI MASYARAKAT

Sebagaimana dimaklumi, sistem sosial adat perpatih di Negeri Sembilan dan Naning menunjukkan suatu corak organisasi yang berdasarkan prinsip senasab keturunan (umitineal descent) atau lebih tegas lagi anggota masyarakat menggalurkan keturunan mereka dari keturunan sebelah ibu sahaja yakni menuruti prinsip keturunan nasab ibu (matrilineal). Prinsip keturunan nasab ibu ini juga yang menjadi prinsip struktur di mana masyarakat adalah di kelompok-kelompok kepada beberapa kelompok kekeluargaan nasab ibu dan kelompok-kelompok kekeluargaan ini menjadi unit-unit dalam struktur masyarakat ini. Kelompok-kelompok kekeluargaan yang menjadi unit struktur itu adalah kelompok-kelompok yang bersifat hiraki dengan lengkongan yang semakin mengembang ke atas. Dalam hairaki kelompok-kelompok itu lengkongan yang kecil adalah merupakan pecahan bagi kelompok yang besar. Dengan demikan didapati kelompok kekeluargaan kecil dalam hiraki ini dinamakan rumpun. Gabungan beberapa ruang menjadi ruang, gabungan beberapa ruang menjadi perut dan gabungan beberapa perut menjadi kelompok terbesar iaitu suku.

Rumpun

Rumpun, kelompok kekeluargaan yang terkecil dalam masyarakat adat ini adalah merupakan kelompok keluarga luas, yang mengandungi ahli sekurangnya daripada tiga generasi. Dari segi politik luak kelompok ini tidak mempunyai peranan yang jelas tetapi dari segi sosial dan kegiatan ekonomi serta budaya penyertaan keseluruhan ahli adalah penting.


Pemimpin kelompok ini dipanggil kodin atau Tua Rumpun. Beliau tidak mempunyai gelaran tertentu, melainkan gelaran biasa atau gelaran peribadi seperti yang dikatakan: kecil bernama, besar bergelar / Beliau adalah pemimpin yang bertanggungjawab dalam segala aktiviti sosial dan ekonomi yang berkaitan dengan kelompoknya.

Rumpun boleh terbentuk semasa hayat ibu kepada ibu (puan). Dalam gambarajah I di bawah A mempunyai tiga orang anak perempuan dan seorang anak lelaki. Di antara tiga orang anak perempuan itu, yang tua (B) mempunyai enam orang anak -- lima orang anak lelaki (b-f) dan seorang anak perempuan (a). Anak bongsunya (E) mempunyai enam orang anak lelaki tetapi kesemuanya lelaki, dan C pula mempunyai hanya seorang anak lelaki

B dan ahli keluarganya telah berpindah daripada kawasan rumah ibunya (A) dan membuka penempatan baru. Ini bermakna B telah membentuk rumpun baru. E dan C yang tidak berpindah masih kekal menganggotai rumpun ibu mereka (A). Apabila A meninggal dunia, E secara otomatis akan membentuk rumpunnya

Gambarajah I.

RUMPUN dab RUANG - daripada
satu salsilah sebenar di
Rembau.



Sumber: Norhalim Hj. Ibrahim, Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan, tesis M.A., University of Hull, Hull, 1976. hlm. 79.

sendiri walaupun dia tidak mempunyai anak perempuan. C, yang hanya mempunyai seorang anak lelaki boleh, sama ada menganggotai rumpun B yang baru terbentuk, atau rumpun E. Mengikut adat C dan E adalah dianggap sebagai telah pupus atau tidak kerubang, yang bermakna rumpun mereka tidak akan mengembang menjadi kelompok yang lebih besar. Atas kematian B, eumpunnya akan hilang dan selanjutnya, harta E dan juga C (selepas C mati) akan diompokkan kepada B atau/dan anak-anak dan cucu-cucu perempuan B.

Hubungan antara anggota sesama rumpun mengandungi hak dan tanggungjawab yang amat besar sekali kerana, sebagai ahli sekeluarga luas, hubungan mereka rapat dan justru itu adalah diharapkan merengangkan beban ketika kesempitan dan bersama-sama pula bergembira ketika perayaan. Kelompok rumpun adalah memusat pada satu kawasan dan boleh dianggap sebagai pusat bagi kelompok kekeluargaan yang lebih luas.

Pengelompokan rumpun ini, kalau melihat daripada kajian-kajian yang dijalankan tidak wujud di Luak Jempul (Kahar Bador, 1963), di Gadek, Naning (Zainal Kling, 1969), di Inas (Lewis, 1962) dan di Jelebu (Swife, 1965).

Ruang

Gabungan beberapa rumpun membentuk ruang. Ahli ruang selalunya mempunyai kaitan kekeluargaannya sehingga sekurang-kurangnya empat generaso (Norhalim Hj. Ibrahim, 1976:). Di Naning, khususnya di Pegoh, ruang di sebut jurai (Abu Hassan Jaalam, 1975:26).

Seperti rumpun, ikatan kekeluargaan di peringkat ini masih kuat dan rapat. Ahli-ahli kelompok ruang masih harap mengharap antara satu sama lain dalam semua kegiatan. Tegasnya, di kalangan ahli seruang masih ada hubungan obligasi. Pemimpin bagi kelompok kekeluargaan rang digelar Besar. Ketua jurai di Pegoh dipanggil Tua (Abu Hassan Jaalam, 1975:28).

Selalunya ruang terbentuk disebabkan oleh pertambahan ahli. Misalnya berdasarkan gambarajah I di atas, rumpun B akan secara otomatis dianggap sebagai ruang apabila o, p, r dan s mempunyai cucu. Walau pun kejadiannya otomatis, namun untuk pengiktirafan ia harus mendapat restu daripada ketua-ketua adat dihiraki atasnya, terutama sekali di kala hendak melantik ketua ruang. Untuk beberapa waktu, sebelum mendapat pengiktirafan ini, ketua bagi ruang baru ini tetap o kalau ia masih hidup. Pada masa yang sesuai Buapak (ketua perut), dengan restu Lembaga (Ketua suku) akan dengan resminya mengistiharkan pembentukan ruang B. Dengan itu ruang B bolehlah memilih dan melantik seorang ketua. Kadangkala, (terutama sekali selepas akhir abad ke-19) status rasmi ini tidak diberikan dan keturunan B akan terus dipimpin oleh D sebagai rumpun dalam ruangnya atau sebagai ruang yang 'bernaung' di bawahnya. Dalam kes di mana B meninggal sebelum rumpunya menjadi ruang, seorang calon akan dipilih daripada keturunan lelaki B, iaitu sama ada b, c, d, e, dan f. Oleh sebab b adalah ketua rumpun apabila ia mula terbentuk, berkemungkinan besar b juga akan dipilih dan dilantik menjadi Besar. Jikalau ia terpilih, jawatannya

sebagai Kadim akan diserahkan kepada salah seorang daripada generasi di bawahnya, iaitu sama ada m ataupun p.

Perut

Sebuah pusat adalah gabungan beberapa ruang. Jumlah generasi yang menganggotainya berbeza daripada satu luak ke luak yang lain. Di Jempul ahli seperut adalah terdiri daripada lingkungan sembilan ke sepuluh generasi (Kahar Bador, 1963:45), di Rembau sehingga keenam generasi (Norhalim Hj. Ibrahim, 1976: 83), di Gadek (Zainal Kling, 1969:50) dan di Inas (Lewis, 1960:83) sehingga lima generasi dan di Jelebu, mengikut Swiff^t, (1965:16) perut itu hanya dapat dikesan sehingga kedua atau tiga generasi sahaja.

Pada idealnya perut adalah kelompok kekeluargaan yang berasal daripada satu keturunan nenak moyang yang sama yang masih boleh disusur galur akan keturunannya. Perut diketua oleh seorang ketua yang bergelar Buapak.

Setiap perut mempunyai nama. Ada dua cara bagaimana perut itu boleh mendapat nama:

- 1) Mengikut nama kampung di mana kelompok asal perut itu tinggal atau berasal, seperti Perut Tumang, Perut Kuala Johol dan Perut Nuri dalam suku Mungkal dan Luak Johol.
- 2) Mengikut gelaran buapak perut berkenaan seperti Perut Tuk Puteh dan Perut Tuk Padah dalam suku Selemak Minangkabau di Luak Ulu Muar.

Bilangan perut dalam sesuatu suku itu tidak tetap. Ada suku yang hanya mempunyai satu perut sahaja dan ada pula yang lebih daripada satu. (Lihat Lampiran I Jadual 1 - 9).

Ikatan kekeluargaan di kalangan ahli seperut tidaklah seikrap mereka yang serumpun atau seruang. Namun mereka masih saling ziarah-menziarahi dan bertemu muka. Ikatan kekeluargaan agak longgar dalam kehidupan sehari-harian tetapi hubungan sebagai keluarga yang jauh dikekalkan dengan jemput anggota seperut jikalau menjalankan apa-apa upacara umpsama perkahwinan dan kematian; dan mereka akan berkampung bagi menjalankan aktiviti politik dan kadangkala untuk menyeraya pekerjaan bersawah padi.


Ada tiga cara bagaimana perut itu boleh terjadi:

- 1) Hasil dari noda perpisahan fizikal akibat pertambahan ahli. Misalnya kes B dalam gambarajah I, melalui masa, dan dengan membiaknya kerutunan anak-anak dan cucu-cucu perempuannya, ruang itu akan menjadi perut.
- 2) Hasil pertambahan ahli tetapi tidak perpisahan fizikal.

Dalam kes seperti ini apabila sesuatu perut telah berkembang melebih generasi yang sepatutnya, ia berpecah menjadi dua perut yang berasingan. Sebagai contoh lihat gambarajah 2 di bawah. Dalam gambarajah ini, perut asal adalah seorang perempuan, Ambam yang mempunyai beberapa orang anak. Amban mempunyai dua orang cucu perempuan

Gambarajah 2.

Gambarajah Perut.



Lagenda:

- : Buapak.
- : Pembahagian Perut.
- : Perut bakal wujud.

Sumber: Dipadankan daripada Norhalim Hj. Ibrahim, Kekeluargaan dan Ekonomi dalam Masyarakat Melayu Rembau, latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, K. Lumpur, 1971. hlm. 28.

Giindah dan Jeriah. Daripada keturunan kedua-dua orang perempuan inilah bermula pemecahan kepada perut baru: Perut I ialah Perut Giindah dan Perut II ialah Perut Jeriah, tetapi mereka masih ada dalam suku yang sama (dan tidak boleh berkahwin antara satu sama lain (Norhalim Hj. Ibrahim, 1971-28-31).

- 3) Hasil daripada penghijrahan. Satu kumpulan domestik kepada satu suku (misalnya daripada suku Tanah Datar) dari satu Luak (Rembau misalnya) telah berpindah ke kawasan lain (Luak Johol) di mana terdapat pula kelompok suku yang sama (Tanah Datar). Kumpulan pendatang itu dengan sendirinya boleh menjadi perut baru kepada suku yang menanti. Pada idealnya, oleh sebab perut mendatang itu berasal dari keturunan yang berlainan, anggotanya dibolehkan berkahwin dengan anggota suku yang menanti.

Suku

Suku adalah pengelompokan yang terbesar dalam masyarakat adat perpatih. Selalunya suku adalah gabungan beberapa perut walaupun ada suku yang mempunyai satu perut sahaja. Ahli-ahli suku percaya bahawa mereka berasal daripada nenek moyang perempuan yang sama tetapi garis salsilah sebenarnya tidak dapat dipastikan dengan tepat dan jelas.

Secara idealnya masyarakat adat Perpatih dapat dikelompokkan kepada dua belas suku:

Biduanda	Selemak (Sri Lemak)
Batu Hampar	Batu Belang
Paya Kumbuh	Tanah Datar
Mungkal	Anak Aceh
Tiga Nenek	Anak Melaka
Semelenggang (Sri Melenggang)	Tiga Batu

Walaupun secara teori terdapat dua belas suku, namun bilangan ini berbeza dari Luak ke Luak. Di Rembau misalnya terdapat sekurang-kurangnya 27 suku, sementara di Jelebu 12 suku, Johol 10, Inas 10, Gunung Pasir 7, dan di Naning 14 suku (lihat Lampir 1, jadual 1-9).

Dalam keadaan tradisi orang yang sesuku mempunyai ikatan kesatuan yang kuat. Keadaan hidup mereka adalah bersifat komunal dan bekerjasama seperti dinyatakan dalam perbilangan:

Sesusun bak sirih,
serumpun bak serai,
seharta - sebenda,
sepandam seperkuburan,
sehina semulia,
malu seorang, malu semua.

Aturan hidup ini harus dipatuhi kerana apa yang dilakukan oleh seorang ahli, sama ada baik ataupun buruk, akan melibatkan keseluruhan suku.

6. KEAHLIAN DALAM SUKU

Keahlian seseorang dalam sesuatu suku adalah kekal untuk selama hidup. Seseorang itu dianggap dan digolongkan ke dalam sesuatu suku atas dua cara: melalui kelahiran, dan dengan cara anak angkat atau diistilahkan sebagai dikadimkan.


Melalui kelahiran

Seseorang yang dilahirkan dalam suatu keluarga adat perpatih secara otomatis menjadi ahli suku ibunya. Ini adalah prinsip keturunan masyarakat nasab ibu yang menjadi prinsip dasar sistem sosial adat perpatih. Sebagai contoh, kalau seorang itu ahli suku Tanah Datar yang telah berkahwin dengan lelaki (bapa) suku Mungkal, maka kesemua anaknya dikira menjadi ahli suku ibunya, suku Tanah Datar seperti yang digambarkan dalam gambarajah 3 di bawah:

Berikut dengan itu, seandainya seorang lelaki adat berkahwin dengan perempuan daripada masyarakat bukan adat perpatih (X dalam gambarajah 3) anak-anak mereka (X₁ dan X₂) adalah tidak bersuku. Sebaliknya, jikalau perempuan daripada masyarakat adat berkahwin dengan lelaki daripada luar adat (Y dalam gambarajah 3), anak-anak mereka akan mwarisi suku ibu (suku Tanah Datar, seperti yang diilustrasikan dalam gambarajah 3).

Gambarajah 3.

**Gambarajah Keahlian Suku Mengikut
Kelahiran.**



Lagenda:

- TD : Suku Tanah Datar.
- M : Suku Mungkal.
- BH : Suku Batu Hampar.
- AM : Suku Anak Melaka.
- X : Perempuan daripada luar adat.
- Y : Lelaki daripada luar adat.
- : Lingkungan suku yang sama.

Melalui Dikadimkan

Kadim adalah bermaksud saudara. Dikedimkan bermaksud dijadikan saudara atau jadikan anak angkat. Di kalangan masyarakat adat perpatih, pada kebiasaannya orang atau keluarga yang mengambil anak angkat adalah yang tidak mempunyai anak perempuan. Justru itu, selalunya orang yang dikadimkan itu adalah seorang anak perempuan. Anak perempuan adalah penting dalam masyarakat ini kerana dia lah yang akan meneruskan tali keturunannya, di samping mewarisi harta pusaka keluarganya dan menjaga ibubapanya di hari tua.

Untuk mengadakan adat berkadim ini beberapa syarat harus dipatuhi. Antara lain ialah:

- a) Individu yang hendak dikadimkan itu mestilah membuat keputusan untuk menjadi anggota dari mana-mana suku.
- b) Setelah dikadimkan individu tidak boleh berpindah ke suku lain.
- c) Setiap keluarga yang hendak mengambil anak angkat untuk dikadimkan mestilah dahulu mendapat persetujuan dari kadim dan lembaga sukunya.
- d) Individu yang hendak dikadimkan itu hendaklah diislamkar terlebih dahulu sekiranya individu itu terdiri dari individu yang beragama Islam.

Dalam sesuatu adat berkadim itu terdapat tiga tahap penting, iaitu istiadat berkampung, istiadat perayaan dan

istiadat bercecah darah atau disebut juga istiadat berdarah-darahan.

Ada dua jenis kadim yang biasa dilakukan dikalangan masyarakat adat perpatih, iaitu kadim adat dan kadim adat dan pusaka.

Kadim Adat adalah kadim bertaraf rendah. Biasanya ia dilakukan bagi lelaki luar lingkungan adat perpatih yang ingin berkahwin dengan gadis daripada ahli masyarakat adat. Di Naning, kadim ini dipanggil juga berkadim pinang sebatang. Upacara kadim jenis ini dihadiri oleh semua ahli kelompok kekeluargaan sekurang-kurangnya taraf ruang. Ketua-ketua adat daripada suku yang mengambil anak itu harus juga hadir. Setelah selesai upacara itu, orang yang dikadimkan itu akan mendapat perlindungan dan hak yang sama daripada suku yang mengambilnya, sama seperti ahli-ahli lain dalam suku berkenaan, sakit dibela, mati ditanam. Namun, oleh sebab taraf kadimnya habya taraf kadim adat, ahli baru ini tidak berhak menyandang pusaka gelaran seperti Lembaga, Buapak, Besar atau Kedim, suku itu.

Kedim Adat dan Pusaka adalah lebih tinggi tarafnya daripada kadim adat. Pada kebiasaannya, kedim jenis ini dilakukan kepada anak perempuan. Di Naning kadim jenis ini dipanggil juga Kedim Aur Serumpun, kerana jikalau yang dikadim itu perempuan yang telah beranak, anak-anaknya (lelaki atau perempuan) akan turut bersama mengikuti ibunya ke dalam suku yang mengambilnya (Talib Md. Seh, 1990: 92).

Upacara kadim jenis adat atau pusaka ini harus dihadiri oleh Undang, selain daripada Lembaga atau pembesar adat dari suku berkenaan serta seluruh ahli kelompok kekeluargaan yang menjalankan upacara tersebut. Selesai upacara maka orang yang dikadimkan berhak bukan sahaja keahlian, perlindungan tetapi juga hak mewarisi harta pusaka suku jikalau perempuan dan menyandang pusaka gelaran suku jikalau lelaki. Tegasnya dia berhak terhadap segala apa yang patut dan harus dinikmati oleh ahli-ahli lain. Kedudukannya dalam suku jikalau mengikut perbilangan adalah

Tegak sama tinggi
duduk sama rendah
melipat sama patah
menyerudup sama bengkok
berat sama dipikul
ringan sama dijinjing

RUJUKAN

- Abas Hj. Ali, 1953. Rembau Sebuah Daripada Luak-Luak Yang Sembilan : Sejarah, Perlembagaan, Adat dan Istiadat, Rembau : Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat dan Istiadat Melayu.
- Abdul Rahman bin Hj. Mohammad, 1964. Dasar-dasar Adat Perpatih, K. Lumpur : Pustaka Antara.
- Abu Hasan Jaalam, 1975. Organisasi Dalam Perut : Satu Kajian Kes Di Kampung Pequh, Wilayah Naning, Latihan Ilmiah, Bangi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Caldecott, A., 1912. "Jelebu : Its History and Constitution" 1912, dlm PMS, cet. Semula, K. Lumpur : Oxford University Press, 1971.
- Ibrahim bin Abdullah, Sistem Suku adat Perpatih Di Rembau, Latihan Ilmiah, K. Lumpur : Universiti Malaya.
- Kahar Bador, Kinship and Marriage Among the Negeri Sembilan Malays, Thesis M. A., London.
- Lewis K.D., 1960. "Inas : A study of Local History, JMBRAS 33(1).
- disertasi PhD., Cornell: Cornell University.
- Nathan, J.E & R.O. Winstedt, 1971. Johol, Inas, Ulu Muar, Jempol Gunung Pasir and terachi', PMS cet. semula, K. Lumpur : Oxford University Press.
- Norhalim Hj. Ibrahim, kekeluargaan dan ekonomi Dalam Masyarakat Melayu Desa di Rembau, Latihan Ilmiah, K. Lumpur : University Malaya
-, 1976. Social Change and Continuity in the Matrilineal Society of Rembau, Negeri Sembilan, Thesis M.A.. Hull : University of Hull.
-, 1978. The Yang Dipertuan Besar of Negeri Sembilan and Teh Yang Dipertuan Muda Of Rembau', Warisan 4-5.
-, 1984. Sistem Masyarakat Negeri Sembilan', Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.
-, 1992. "Adat Perpatih konsep Perkahwinan Dalam Masyarakat Budaya Negeri, 5/9 dan 6/92.

-, 1992, "Aturan Perkahwinan Adat", Budaya Negeri 7/92.
- Parr. C.W.C. and W. H. Mackray, 1910. 'Rembau One of The Nine 1910 States', JMBRAS, 56.
- Shamsul Amri Baharudin, 1984. Adat Perpatih Mencabar Zaman, Suatu Ulasan Seimbas Pandang' Kertas Kerja Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan, Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.
- Sheehan, J.J. and Abd. Aziz', 1984. 'Adat Kuala Pilah', JMBRAS 14(3).
- Swift, M.G. 1965. Malay Peasant Society in Jelebu, London: The Athlone Press.
- Talib bin Md. Seh, 1990. Adat Sitiadat Dalam Naning, Kertas projek Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.
- Zainal Kling. 1969. Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara tesis M.A., K. Lumpur : Universiti Malaya.

LAMPIRAN I

**SUKU, JUMLAH PERUT DAN
GELARAN LEMBAGA ADAT PERPATIH**

Jadual ILUAK REMBAU

Undang :	(1) Datuk Lela Maharaja	Bergilir
	(2) Datuk Sedia Raja	
Suku :	(1) Biduanda Jakun	Bergilir
	(2) Biduanda Jawa	

	SUKU	Jumlah Perut	Gelaran Lembaga
(i)	1. BIDUANDA Jakun Baruh	4	Datuk Perba
	2. Biduanda Jawa Baruh	4	
	3. Biduanda Jakun Kg. Tebat	4	Datuk Setia Maharaja
(ii)	4. BATU HAMPAR Baruh	4	Datu Gempa Maharaja
	5. Batu Hampar Darat	3	Datuk Sutan Bendahara
	6. Batu Hampar Petani (Baruh)	4	Datuk Putih
(iii)	7. PAYA KUMBUH Baruh	7	Datuk Merbangsa
	8. Paya Kumbuh Darat	4	Datuk Seri Maharaja
(iv)	9. MUNGKAL Baruh	4	Datuk Samsera Pahlawan
	10. Mungkal Darat	5	Datuk Nyiang
(v)	11. TIGA NENEK BARUH	4	Datuk Bangsa Balang
(vi)	12. SEMELENGGANG/SRI MELENGGANG BARUH (1)	3	Datuk Maharaja Sutan *

13. Semelenggang Kendung (Baruh)	3	Datuk Mengkuta *
14. Semelenggang Empat Ibu (Darat)	4	Datuk Mendelika
15. Semelenggang Minangkabau (Darat) (2)	4	Datuk Dagang
16. Semelanggang Miku (Darat)	3	Datuk Panglima Dagang *
(vii) 17. SELEMAK/SERI LEMAK (Darat)	4	Datuk Sinda Maharaja
(viii) 18. BATU BELANG (Darat)	5	Datuk Andika
(xi) 19. TANAH DATAR Baruh	5	Datuk Raja Senara
20. Tanah Datar Darat	3	Datuk Maharaja Inda
21. Tanah Datar Kendung (3) Baruh	-	
(x) 22. ANAK MELAKA (Baruh)	3	Datuk Ganti Maharaja
(xi) 23. ANAK ACHEH (Baruh)	3	Datuk lela Wangsa (Tuk Langsa)
(xii) 24. TIGA BATU BARUH (4)		
(xiii) 25. Tiga Batu Darat (5)	3	Nana Besar *
26. Tiga Batu Kendung (6)		
27. AGAM Baruh (7)		

Nota :

* Bertaraf Orang Besar

- (1) Bernaong di bawah Datuk Merbangsa, Lembaga Suku Paya Kumbuh Kumbuh Baruh.
- (2) Bernaong di bawah Datuk Mendelika, Lembaga Suku Semelenggang Empat Ibu

- (3) Bernaong di bawah Datuk Mengkuta, Besar Suku Semelenggang Kendung.
- (4) Bernaong di bawah Datuk Bangsa Balang, Lembaga suku Tiga Nenek Baruh.
- (5) Bernaong di bawah Datuk Andika, Lembaga suku Batu Belang.
- (6) Bernaong di bawah Datuk Mengkuta, Besar Semelenggang Kendung.
- (7) Bernaong di bawah Datuk Merbangsa, Lembaga Suku Paya Kumbuh Kumbuh Baruh.

Sumber : Parr, C.W.C. and Macleray. W.H, 'Rembau, One of the Nine State, JSBRAS, 56, 1910. hlm 119 - 141, Abbas Hj. Ali, Rembau, Sebuah Daripada Luak-Luak Yang Sembilan, Rembau, 1953 hlm 123 - 141.

Jadual 2LUAK JELEBU

Undang : Datuk Mendika Menteri Akhirulzaman

Suku : Biduanda

	SUKU	Jumlah Perut	Gelaran Lembaga
(i)	1. BIDUANDA Waris Ombi	4	Datuk Menteri Sah Mangku Alam Raja Sehari.
	2. Biduanda Waris Ombi	3	Datuk Ombi Pangkal Maharajalela
	3. Biduanda Waris Ulu Jelebu	2	Datuk Raja Balang
	4. Biduanda Waris Sarin A	3	Datuk Paduka Menti
	5. Biduanda Waris Sarin B	3	Datuk Raja Diraja
	6. Biduanda Waris Kemin	3	Datuk Maharaja Inda
	7. Biduanda Waris Kuala Kelawang	3	Datuk Amar Penghulu
(ii)	8. BATU BELANG	2	Datuk Sendara Angsa
(iii)	9. MUNGKAL	3	Datuk Mengiang Merah Bangsa
	10. Mungkal Waris AIV	2	Datuk Shahbandar
(iv)	11. TANAH DATAR	3	Datuk Chincang Maharaja Lela
(v)	12. TIGA BATU	-	Datuk Lela Angsa *

Nota :

* Jawatan ini dimansuhkan bersama pusaka Yamtuan Muda Jelebu

Sumber : Caldecott, A., 'Jelebu. It's History and Constitutions', PMS, 1912. hlm. 36-39; 43-47.

Jadual 3LUAK JOHOL

Undang : Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Setaiwan

Bakal Undang : Datuk Baginda Tan Mas

Suku : Biduanda

	SUKU	Jumlah Perut	Gelaran Lembaga
(i)	1. BIDUANDA Gempa	3	Datuk Gempa
	2. Biduanda Menteri	3	Datuk Menteri
	3. Biduanda Mendatang	3	Datuk Raja Balang
	4. Biduanda Jenang	3	Datuk Jenang * (1)
(ii)	5. SEMELENGGANG/ SERI MELENGGANG	4	Datuk Andika
(iii)	6. TIGA BATU	5	Datuk Baginda Raja *
(iv)	7. MUNGKAL	4	Datuk Raja Senara
(v)	8. PAYA KUMBUH	1	Datuk Seri Maharaja
(vi)	9. SELEMAK/SRI LEMAK Minangkabau	1	Datuk Paduka Besar
	10. Selemak Pahang	1	Datuk Sinda Maharaja

Nota :

* Orang Besar Balai

(1) Ketua Suku Biduanda

Sumber : Nathan, J.E. & R.O. Winsteat, 'Johol, Inas, Ulu Muar, Gunung Pasir and Terachi,' PMS, 1920 hlm. 16-21 Sheehan, J.J. & Abd. Aziz, 'Adat Kuala Pilah', BMBRAS, a4(3), 1936, hlm 192.

Jadual 4LUAK INAS

Undang : Datuk Johan Pahlawan Lela Perkasa Walat Kuala Diorh.

Suku : (1) Biduanda

	SUKU	Jumlah Perut	Gelaran Lembaga
(i)	1. BIDUANDA Waris	3	Datuk Bentara Jantan Datuk Bentara Betina *
	2. Biduanda Kuala Punggor	2	Datuk Menteri
	3. Biduanda Buah Petai	1	Datuk Baginda Raja
	4. Biduanda Cenerung	3	Datuk Setia Raja
	5. Biduanda kabung		Bernaung di bawah
	6. Biduanda Guting		Datuk Bentara
	7. Biduanda Retawl		Jantan
(ii)	8. TIGA NENEK	2	Datuk Bangsa Balang
	9. SELEMAK/SRI LEMAK Minangkabau	2	Datuk Baginda Maharaja
(iii)	10. SEMELENGGANG/SRI MELENGGANG	4	Datuk Andika

Nota :

* Kepala Waris

Sumber : Nathan, J.E. & R.O. Winstedt, ' Johol, Inas, Ulu Muar, Jempul, Gunung Pasir and Teraci', PMS 1920. hlm.23-26.

Sheehan J.J. & Abd Aziz, ' Adat Kuala Pilah JMBRAS 14(3), 1936. hlm 194.

Jadual 5LUAK GUNUNG PASIR

Penghulu : Datuk Orang Kaya Mempasir Sitiawan

Suku : Tanah Datar

	SUKU	Jumlah Perut	Gelaran Lembaga
(i)	1. TANAH DATAR	3	Datuk Menteri Maharaja *
(ii)	2. TIGA BATU	1	Datuk Paduka Sri Maharaja
	3. Tiga Batu	4	Datuk Lela Raja
(iii)	4. PAYA KUMBUH	4	Datuk Setia Raja
(iv)	5. SELEMAK/SRI LEMAK MINANGKABAU	3	Datuk Setia Lela
(v)	6. ANAK ACHEH	1	Datuk Andika
(vi)	7. TIGA NENEK	1	Datuk Bangsa Balang

Nota :

* Kepala Waris

Sumber : Nathan, J. E. 2 R.O. Winstedt, Johol, Inas Ulu Muar Jempul, Gunung Pasir and Terachi, ' PMS 1920 hlm 23-36.

Sheehan, J.J. & Abd Aziz, ' Adat Kuala Pilah', JMBRAS, 14(3), 1936. hal 194.

Jadual 6LUAK JEMPUL

Penghulu : Datuk Lela Putra Setiawan

Suku : Biduanda

	SUKU	Jumlah Perut	Gelaran Lembaga
(i)	1. BIDUANDA Waris	5	Datuk Ombi/ Dio Maharaja/ Bentara
(ii)	2. TIGA BATU	3	Datuk Lela Raja
	3. Tiga Batu	3	Datuk Setia Raja
	4. Tiga Batu	4	Datuk Maharaja Setia
(iii)	5. TANAH DATAR	2	Datuk Sri Amar Menteri
(iv)	6. TIGA NENEK	3	Datuk Setia Penghulu
(v)	7. SELEMAK/SRI LEMAK PAHANG	3	Datuk Setia Pahlawan
(vi)	8. SEMELENGGANG/SRI LEMAK	3	Datuk Raja Senara /Datuk Jingkaya
(vii)	9. MUNGKAL	3	Datuk Komo
(viii)	10. BATU HAMPAR	3	Datuk Besar
(ix)	11. PAYA KUMBUH	1	Datuk Sura
(x)	12. ANAK ACHEH	3	Datuk Sri Pahlawan

Sumber : Nathan, J.E. Z. & R.O. Winstead, 'Johol, Inas, Ulu, Muar, Jempol, Gunung Pasir and Terach', PMS, 1920. hlm 49-55.

Sheehan, J.J. & Abd Aziz, ' Adat Kulal Pilah', JMBRAS, 4(3), 1936 hlm 193.

Jadual 7LUAK TERACHI

Penghulu : Datuk Injah Pahlawan Orang Kaya Terachi Lela Setiawan

Bakal Penghulu : Datuk Audatar

Suku : Selemak/Sri Lemak Pahang

	SUKU	Jumlah Perut	Gelaran Lembaga
(i)	1. SELEMAK/SRI LEMAK PAHANG	2	Datuk Sri Amar Raja *
	2. Selemak Pahang	3	Datuk Amar Penghulu *
	3. Selemak Pahang	4	Datuk Raja Sekara
(ii)	4. BIDUANDA	3	Datu Raja DiMuda
(iii)	5. TIGA NENEK	3	Datuk Menteri Maharaja
(iv)	6. ANAK ACHEH	3	Datuk Amar Pahlawan
(v)	7. BATU BELANG	2	Datuk Raja Senara
	8. BATU HAMPAR	1	Datuk Paduka Menteri

Nota :

* Kepala Waris

Sumber : Nathan, J.E. Z. & R.O. Winstead, 'Johol, Inas, Ulu, Muar, Jempol Gunung Pasir and Terach', PMS, 1920. hlm 65-65.

Sheehan, J.J. & Abd Aziz, ' Adat Kulal Pilah', JMBRAS, 4(3), 1936 hlm 36.

Jadual 8LUAK ULU MUAR

Penghulu : Datuk Setia Maharaja Lela Pahlawan

Bakal Penghulu : Datuk Perdana

Suku : Biduanda

	SUKU	Jumlah Perut	Gelaran Lembaga
(i)	1. BIDUANDA Waris	2	Datuk Shahbandar
	2. Biduanda Sungai Ujung	4	Datuk Baginda Raja
	3. Biduanda Jawa	3	Datuk Penghulu Jawa
(ii)	4. SELEMAK/SRI LEMAK Pahang	6	Datuk Baginda Maharaja
	5. Selemak Minangkabau	4	Datuk Senara Muda
	6. Selemak Pahang	3	Datuk Bangsa Balang
	7. Selemak Minangkabau	4	Datuk Kaya Muda
(iii)	8. TANAH DATAR	3	Datuk Paduka Besar
	9. Tanah Datar	3	Datuk Perdana
(iv)	10. MUNGKAL	3	Datuk Sri Maharaja
	11. Mungkal	2	Datuk Sri Maharaja
(v)	12. TIGA BATU	3	Datuk Peda Maharaja
(vi)	13. PAYA KUMBUH	5	Datuk Senara Kaya
(vii)	14. BATU BELANG	3	Datuk Senara Angsa

(viii)	15. ANAK ACHEH	2	Datuk Orang Kaya Kecil
(ix)	16. BATU HAMPAR	3	Datuk Maharaja
(x)	17. TIGA NENEK	2	Datuk Maharaja Lela
(xi)	18. SEMELENGGANG/ SRI SEMELENGGANG	4	Datuk Orang Kaya Bangsa

Sumber : Nathan, J.E. Z. & R.O. Winstead, 'Johol, Inas, Ulu,
Muar, Jempol Gunung Pasir and Terach', PMS, 1920.
hlm 34-45.
Sheehan, J.J. & Abd Aziz, ' Adat Kulal Pilah',
JMBRAS, 4(3), 1936 hlm 193.

Jadual 9LUAK NANING

Penghulu : Datuk Orang Kaya sri Maharaja Merah

Suku : Semelenggang

	SUKU	Jumlah Perut	Gelaran Lembaga
(i)	1. SEMELENGGANG/SRI SEMELENGGANG	9	Datuk Sri Nan Kaya
(ii)	2. TIGA BATU	10	Datuk Sri Mangun
(iii)	3. MUNGKAL	8	Datuk Sri Kaya Menteri
(iv)	4. ANAK MELAKA	7	Datuk Sri Angkai Besar/ Datuk Sri Nika
(v)	5. TIGA NENEK		Datuk Mahkara *
(vi)	6. Biduanda Dagang	5	Datuk Bentara *
	7. Biduanda Waris		
	8. Biduanda Segamat		
	9. Biduanda Rembau		
(vii)	10. BATU HAMPAR		Datuk Ganti *
	11. Batu Hampar Ayam		
	12. Batu Hampar Penajis		
(viii)	13. TANAH DATAR		Datuk Raja Menteri *
(xi)	14. PAYA KUMBUH		Datuk Sura *


Nota :

* Bertaraf Buapak

Sumber : Talib bin Md. Seh, Adat Istiadat Dalam Naning
Jabatan Sains Kemasyarakatan, UPM. 1990: hlm. 14-18.

Peta 1.

PETA LAKAR NEGERI SEMBILAN: LUAK-LUAK ADAT



Lagenda:

— — — — — Sempadan Negeri

— — — — — Sempadan Luak

Wilayah Adat

Wilayah Bukan Adat


1 Seri Menanti

2 LUAK GUNUNG PASIR

3 LUAK INAS

Peta 2.

PETA LUAK NANING



Lagenda

—...— Sempadan Negeri

—.— Sempadan Mukim